

KENYATAAN MEDIA

Embargo: 12.30pm (25 November 2024)

Meningkatkan Pertumbuhan Pendapatan Utama di Sebalik Pelaburan Strategik Jenama

Pendapatan Meningkat 50% YoY kepada RM15.88 Juta Berikutan Pelaburan Strategik Jenama dan Pengembangan Pasaran

Sorotan Prestasi Utama:

1. **Lonjakan Pendapatan:** Pendapatan Kumpulan SEDANIA untuk 1Q2025 meningkat 50% YoY kepada RM15.88 juta, didorong terutamanya oleh pertumbuhan 66% dalam segmen FMCG Lestari syarikat berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.
2. **Pelaburan Strategik Jenama:** Usaha pengiklanan dan promosi yang dipertingkatkan serta pengagihan sumber mencerminkan inisiatif penjenamaan berterusan untuk berkembang dan menembusi pasaran mata wang kukuh.
3. **Lantikan Pengerusi Baharu:** YAA Tun Md Raus bin Sharif dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan SEDANIA

PETALING JAYA, 25 November 2024 - SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan SEDANIA” atau “Kumpulan”) mengumumkan keputusan kewangan bagi suku pertama tahun kewangan 2025 (“1Q 2025”), yang berakhir pada 30 September 2024. Kumpulan mencatat pencapaian signifikan dengan **pertumbuhan pendapatan 50% tahun ke tahun kepada RM15.88 juta**, didorong oleh prestasi kukuh dalam segmen FMCG Lestari syarikat yang disokong oleh inisiatif strategik dalam pertumbuhan jenama.

Pertumbuhan pendapatan utama ini menunjukkan kejayaan strategi transformasi FMCG yang sedang dilaksanakan oleh SEDANIA. Pelaburan berterusan Kumpulan dalam pembinaan jenama dan penempatan pasaran adalah penting untuk membina asas yang kukuh bagi kesedaran jenama jangka panjang yang mampan. Kami yakin dapat mencapai keuntungan positif bagi keseluruhan tahun kewangan 2025.

Datuk Azrin Mohd Noor, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Innovator Berhad, berkata: “Pertumbuhan pendapatan kami yang kukuh mencerminkan nilai strategik inisiatif transformasi kami. Bersama dengan strategi berterusan yang telah kami laksanakan untuk pertumbuhan mantap segmen Teknologi Pengguna Lestari dan Tenaga Lestari, ia adalah pemacu utama ke arah visi kami untuk mencapai pendapatan sembilan digit dalam beberapa tahun akan datang.”

Pengerusi baharu yang dilantik, YAA Tun Md Raus bin Sharif, turut berkongsi pandangannya selepas Mesyuarat Agung Tahunan ke-10 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Kumpulan: “Adalah satu penghormatan untuk berkhidmat sebagai Pengerusi baharu SEDANIA Innovator Berhad semasa tempoh transformasi ini. Komitmen teguh Kumpulan untuk ‘Memperbaiki Kehidupan Secara Lestari’ (*Improving Lives Sustainably*) dan pertumbuhan, berserta model perniagaan yang inovatif, meletakkan kami pada kedudukan kukuh untuk memberikan nilai jangka panjang kepada pemegang saham kami. Saya berbesar hati untuk bekerjasama dengan Lembaga dan Pengurusan untuk mengemudi SEDANIA untuk mencapai matlamat dan cita-citanya yang tinggi.”

Berdasarkan momentum kukuh daripada pertumbuhan pendapatan YoY untuk suku ini, Kumpulan akan terus meningkatkan pegangan pasaran dengan memanfaatkan peluang baharu di pasaran berpenduduk padat dan bermata wang tinggi. Dengan usaha berterusan dalam inovasi produk dan pengembangan strategik, trajektori pendapatan dijangka kekal optimistik bagi sepanjang tahun kewangan ini.

Walaupun mengambil kira cabaran ekonomi dan keadaan kewangan kini, SEDANIA tetap optimis namun berhati-hati dalam menyampaikan hasil positif bagi FY2025 yang berakhir pada 30 Jun 2025.

-TAMAT-

NOTA:

Pengelasan Semula kepada Sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna

Saham Kumpulan SEDANIA yang disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia telah dikelaskan semula di bawah sektor "Produk dan Perkhidmatan Pengguna" dan subsektor "Perkhidmatan Pengguna", berkuat kuasa pada jam 9.00 pagi, 9 Julai 2024.

Tentang SEDANIA Innovator Berhad ("SIB")

SIB adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih hijau.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barangan dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring")**, **Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera")**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd ("SASC")**.

Offspring, produk kesihatan mampan, menawarkan pelbagai produk lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

Tanamera menetapkan standard dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

SEDANIA As Salam Capital, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif dan Program Pembiayaan GoHalal untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barangan dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Sila layari www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Hazel Hanif / Dave Pang

Tel: +603-7880 2001 / +6012 619 1103 / +6016 549 2835



[SEDANIA Innovator Berhad](https://www.facebook.com/sedaniainnovatorbhd)



[sedaniainnovatorbhd](https://www.instagram.com/sedaniainnovatorbhd)



[SEDANIA Innovator Berhad](https://www.linkedin.com/company/sedaniainnovatorbhd)